

India ikut jejak Malaysia rancang laksana percukaian telus

Kongsi pengalaman GST

Oleh **HUSSAINI AMRAN**
dan **ZUNAIDAH ZAINON**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 14 DIS.**

MALAYSIA sedia berkongsi pengalaman dalam melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan (GST) dengan India.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, perkongsian pengalaman itu telah dimulakan dengan delegasi peringkat tertinggi dari India yang melawat Malaysia baru-baru ini.

Menurut beliau, langkah tersebut adalah selaras dengan perancangan kerajaan India untuk melaksanakan GST tahun depan.

“Walaupun kita berbeza dari segi geografi dan menghadapi

cabaran-cabaran berbeza, kita berkongsi keazaman untuk melaksanakan rejim percukaian yang telus selain komitmen bagi melindungi hak harta intelektual.

“Kedua-dua negara telah menerima manfaat hasil perkongsian pengalaman dan kepakaran dalam bidang-bidang tersebut,” katanya berucap dalam Persidangan Tertutup Peneraju Perniagaan Asia anjuran *The Economic Times* di sini hari ini.

Perdana Menteri India, Narendra Modi turut menyampaikan ucapan dan mengikuti majlis perasmian itu dari negaranya menerusi persidangan video.

Turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Pesuruhjaya Tinggi India di Ma-

laysia, T. S. Tirumurti dan Presiden Times of India Group, Deepak Lamba.

Najib yang juga Menteri Kewangan memberitahu, India merupakan destinasi eksport Malaysia terbesar di rantau Asia Selatan sejak 1998 dan nilai dagangan dua negara itu meningkat lebih empat kali ganda sepanjang 2003 hingga 2015.

“Tahun lalu, nilai dagangan Malaysia dan India mencatatkan jumlah hampir RM47 bilion iaitu peningkatan sebanyak 3.5 peratus sejak 2014,” jelasnya.

Perdana Menteri berkata, pelaburan dari India mewujudkan beribu-ribu peluang pekerjaan di negara ini manakala banyak syarikat Malaysia termasuk Khazanah Nasional Bhd. (Khaz-

anah), Petroliaam Nasional Bhd. (Petronas) dan Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) mempunyai operasi di India.

Sementara itu, Najib menyatakan kesediaan Malaysia berkongsi Modul Bersepadu Deradikalisasi Pengganas dengan negara-negara lain termasuk India kerana langkah tersebut yang bertujuan memastikan kerjasama berterusan dalam bidang keselamatan adalah penting bagi mengekalkan kepercayaan dan keyakinan.

Najib turut berharap lawatannya ke India tahun depan akan mengukuhkan hubungan dua negara selain menyatakan komitmen kerajaan menyokong sepenuhnya acara dan aktiviti yang bakal dilaksanakan kerajaan India di negara ini.